FARIDA ARIANI FADZIL lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S(A)-02-07-2013]
11 SEPTEMBER 2015

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Pecah amanah – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 30 bulan dan denda RM3,000 – Prinsip penghukuman – Kepentingan awam – Sama ada hukuman yang dijatuhkan memadai – Kanun Keseksaan, s. 409*

KETERANGAN: *Saksi – Kredibiliti – Pecah amanah – Penjawat awam – Tertuduh diamanah membayar wang bantuan kepada murid-murid – Saksi-saksi memberi keterangan bahawa murid-murid mendakwa tidak menerima wang bantuan – Sama ada saksi-saksi boleh dipercayai – Sama ada keterangan saksi-saksi keterangan dengar cakap – Sama ada keterangan saksi-saksi menyokong satu sama lain – Kanun Keseksaan, s. 409*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan, s. 409 – Pecah amanah – Penjawat awam – Tertuduh diamanah membayar wang bantuan kepada murid-murid – Ibu bapa murid-murid mendakwa tidak menerima wang bantuan – Sama ada elemen-elemen kesalahan berjaya dibuktikan – Sama ada tertuduh seorang penjawat awam – Sama ada tertuduh diamanahkan wang bantuan dalam kapasiti sebagai seorang penjawat awam – Sama ada tertuduh menggunakan wang bantuan secara curang untuk kegunaan diri sendiri*

Perayu, seorang penjawat awam yang bertugas sebagai Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di Sekolah Kebangsaan Behor Empiang, Kangar, Perlis ('SKBE'), diamanahkan membayar wang bantuan daripada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin berjumlah RM5,400 ('wang KWAPM') kepada 12 orang murid tahun satu. Pembantu Am Rendah SKBE ('SP6') memberi keterangan bahawa dia menerima cek berpalang ('eks. P5') bagi wang KWAPM daripada Guru Besar SKBE ('SP4') untuk ditunaikan di bank. Pengurus Cawangan Bank Muamalat, Kangar ('SP2'), mengesahkan menerima dan menunaikan eks. P5. SP6 menyerahkan wang KWAPM tersebut kepada perayu. Semasa mesyuarat, perayu memaklumkan bahawa wang KWAPM telah diserahkan kepada murid-murid yang berhak. Namun begitu, SP4 didatangi ibu bapa murid yang mendakwa tidak menerima wang KWAPM. Apabila ditanya, perayu memberi alasan-alasan yang berubah-ubah. Perayu dipertuduh di Mahkamah Sesyen kerana melakukan pecah amanah, satu kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Di akhir perbicaraan, perayu didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara 30 bulan dan denda RM3000, jika ingkar, tiga bulan penjara. Terkilan dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS'), perayu memfailkan rayuan ini. Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu adalah (i) pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen-elemen

kesalahan di bawah s. 409 Kanun iaitu sama ada perayu seorang penjawat awam yang dalam kapasitinya sebagai seorang penjawat awam, telah diamanahkan wang KWAPM dan seterusnya melakukan pecah amanah dengan menggunakan wang tersebut secara curang untuk kegunaan dirinya sendiri; (ii) HMS khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengambil kira keterangan dengar cakap SP4 yang menyatakan bahawa dia mengetahui wang KWAPM telah diserahkan kepada perayu melalui SP6; (iii) HMS gagal menimbangkan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan dan gagal menimbangkan kewujudan percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan; dan (iv) hukuman yang melampau.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan keputusan HMS):

(1) Pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan. Perayu terbukti seorang penjawat awam dalam konteks takrifan s. 21 Kanun melalui keterangan saksi-saksi yang, antara lain, termasuk SP4, SP6 dan Ketua Sektor Pengurusan dan Pembangunan, Jabatan Pelajaran Perlis. Keterangan SP4 menunjukkan perayu menerima wang KWAPM yang diserahkan oleh SP6 dan pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan wang KWAPM dimasukkan dalam akaun perayu terlebih dahulu atau wang tersebut digunakan untuk keperluan peribadi perayu. (perenggan 18, 23, 31 & 32)

(2) Keterangan SP4 hanya menjadi dengar cakap sekiranya pihak pendakwaan tidak memanggil SP6 memberi keterangan semasa perbicaraan. Namun begitu, pihak pendakwaan telah memanggil SP6 untuk memberi keterangan di mahkamah dan SP6 mengatakan bahawa dia diarahkan oleh SP4 untuk menunaikan eks. P5 dan menyerahkan wang KWAPM kepada perayu. (perenggan 35)

(3) Mahkamah tidak mengganggu dapatan fakta oleh HMS berkaitan isu kredibiliti saksi-saksi-pendakwan dan sama ada wujud percanggahan antara keterangan mereka. Keterangan saksi-saksi pendakwaan diterima dan menyokong kes pendakwaan. Percanggahan keterangan, jika ada, sekadar melibatkan perkara kecil iaitu berkaitan di mana wang KWAPM diserahkan kepada perayu. (perenggan 37 & 40)

(4) Seksyen 409 memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan maksima 20 tahun dan rotan dan boleh dikenakan denda. Perayu diamanahkan mengurus wang KWAPM bagi murid-murid miskin. Perayu telah melakukan jenayah pecah amanah dan untuk kepentingan awam, hukuman dijatuhkan sebagai pengajaran bagi perayu dan peringatan buat masyarakat. Hakim Mahkamah Sesyen telah menimbangkan prinsip penghukuman yang betul apabila menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Hukuman yang dijatuhkan memadai dan tidak berlebihan. (perenggan 49, 50, 51 & 54)

Kes-kes yang dirujuk:
Cheryl Wendy Omar v. PP [1994] 3 CLJ 425 HC ***(dirujuk)***
Gan Kim Hua v. PP [1983] 1 CLJ 199; [1983] CLJ (Rep) 552 HC ***(dirujuk)***
Harakrishna Mahatab v. Emperor [1930] AIR Patna 209 ***(dirujuk)***
Lee Yoke Yam lwn. PP [2012] 8 CLJ 334 HC ***(dirujuk)***
Mohamed Adil v. PP [1966] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP v. Hussin Mohd Rejab [1994] 3 CLJ 93 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kavarappan Sadian [1987] 2 CLJ 453; [1987] CLJ (Rep) 908 HC ***(dirujuk)***
PP v. Khairuddin Hj Musa [1981] CLJ 86A; [1981] CLJ (Rep) 234 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lawrance Tan Hui Seng [1993] 4 CLJ 221 SC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Abdullah Ang Swee Kang [1987] 1 CLJ 292; [1987] CLJ (Rep) 918 HC ***(refd)***
Sathiadas v. PP [1970] 1 LNS 142 HC ***(dirujuk)***
Syed Abu Bakar Ahmad v. PP [1984] 1 CLJ 80; [1984] 1 CLJ (Rep) 368 FC ***(dirujuk)***
Wan Marzuki Wan Abdullah v. PP [2008] 4 CLJ 631 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, s. 55(1)
Penal Code, ss. 21, 405, 409, 409B

Bagi pihak perayu - Norharniza Rusli; YBGK
Bagi pihak responden - Saiful Hazmi Mohd Saad; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kangar; Kes Tangkap No: 61-07-08-2011 (disahkan)]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

[1] Perayu merupakan seorang penjawat awam yang memegang jawatan sebagai Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) (Gred DGA 32) di Sekolah Kebangsaan Behor Empiang, Daerah Kangar, Perlis telah menghadapi pertuduhan yang dirangka oleh pendakwaan (ms. 17-18 rekod rayuan (RR) jilid 1) di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu pada 4/11/2008 di pejabat Sekolah Kebangsaan Behor Empiang, di dalam Daerah Kangar, di dalam Negeri Perlis sebagai seorang penjawat awam iaitu Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid [PK HEM] di Sekolah Kebangsaan Behor Empiang telah diamanahkan wang berjumlah RM 5,400.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Empat Ratus sahaja] iaitu wang dari Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin [KWAPM] untuk dibayar kepada dua belas orang murid tahun 1-2008 telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap wang itu, dengan itu kamu telah melakukan kesalahan dibawah seksyen 409 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang boleh dihukum dibawah Kanun yang sama

[2] Perayu tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dan beliau diwakili oleh peguamnya daripada Tetuan Haffiz Zuhair & Co. Pendakwaan telah dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis (Tuan HMS itu) dan di akhir perbicaraan perayu bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Tuan HMS itu telah menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan mulai tarikh jatuh hukuman (19 Jun 2013) dan denda RM3,000 jika tidak bayar tiga bulan penjara. Tuan HMS itu telah membenarkan hukuman penjara ditangguhkan sementara rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya, Kangar dilupuskan. Tuan HMS itu membenarkan penangguhan hukuman penjara dengan syarat jaminan dinaikkan kepada RM5,000 dengan seorang penjamin. Hukuman denda telah pun dijelaskan oleh perayu pada keesokan harinya iaitu 20 Jun 2013.

[3] Perayu yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya, Kangar atas sabitan dan hukuman (ms. 1 - 2 RR jilid 1). Kes rayuan ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan penuh berliku-liku. Pengurusan kes telah pun ditetapkan melebihi 20 kali di hadapan Penolong Kanan Pendaftar bagi mempastikan penghakiman oleh Tuan HMS itu disediakan. Memandangkan perkara ini telah pun berlarutan dan ianya melibatkan kes penjawat awam, mahkamah ini telah memutuskan rayuan ini akan didengar secara semakan tanpa penghakiman Tuan HMS itu.

[4] Pihak-pihak telah pun bersetuju untuk rayuan ini didengar secara semakan dan hujahan bertulis telah pun difailkan. Mahkamah ini kemudiannya menetapkan untuk keputusan pada 21 Ogos 2015. Pada tarikh untuk keputusan, barulah mahkamah ini menerima penghakiman Tuan HMS itu. Mahkamah ini telah menangguhkan keputusan kepada 11 September 2015 bagi membolehkan pihak-pihak memfailkan hujahan tambahan berdasarkan penghakiman Tuan HMS itu.

[5] Pada 11 September 2015, mahkamah ini telah mengesahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan HMS itu atas perayu. Mahkamah ini kemudiannya atas permohonan peguam perayu telah membenarkan pelaksanaan hukuman penjara ditangguhkan sehingga rayuan di Mahkamah Rayuan, Malaysia diselesaikan kelak. Mahkamah ini telah menetapkan syarat jaminan RM10,000 dan seorang penjamin. Notis rayuan hendaklah difailkan pada 14 September 2015 jam 10 pagi sekiranya gagal perintah "stay" terbatal dan waran mempenjara akan dikeluarkan dengan serta-merta atas perayu.

[6] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan yang dibangkitkan oleh peguam perayu yang terpelajar, eloklah diimbau kembali nas-nas duluan yang menggariskan tugas mahkamah ini selaku "appellate stage" dalam menimbangkan keputusan mahkamah bicara. Mahkamah ini terikat dengan

prinsip-prinsip yang yang telah pun diputuskan untuk dijadikan panduan dan rujukan agar tidak tersasar di landasannya dalam menimbangkan rayuan perayu atas sabitan. Mahkamah ini merujuk kes *Wan Marzuki Wan Abdullah v. PP* [2008] 4 CLJ 631 di mana YA Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) menyatakan:

> There is clear authority for the proposition that in an appeal of this nature which turns on questions of fact particularly in relation to issues of credibility, this court will be reluctant to interfere with the findings made by the primary trier of fact. We need go no further than to quote the following passage from the judgment of Shaik Daud JCA in *Andy Bagindah v. PP* [2000] 3 CLJ 289:-
>
> > In the present case the learned judge concluded that there were discrepancies but those discrepancies were not material ones. Since this involved the credibility of witnesses, we held that the learned judge was a better person to decide and an appellate court ought not to interfere with such findings.

[7] Mahkamah juga merujuk kes *PP v. Kavarappan Sadian* [1987] 2 CLJ 453; [1987] CLJ (Rep) 908 di mana YA Mustapha Hussain H menzahirkan pandangannya:

> It is true that an Appellate Court will be slow in upsetting a judgment in a case that was tried and decided upon by a Court or Judge (in this case the President) on finding the trial Judge had made. When a question of fact had been tried by a Judge without a jury and there is no question of misdirection of himself by the Judge, an Appellate Court should not come to a different conclusion on the evidence unless it is satisfied that the advantage enjoyed by the trial Judge by reason of having seen and heard the witness could not be sufficient to explain or justify the trial Judge's conclusion - (see *Lim Kheak Teong v. Public Prosecutor* [1984] 1 CLJ 207). It is sufficient for an accused to cast a reasonable doubt in the case for the prosecution to entitle him to an acquittal.

[8] Berbekalkan nas-nas duluan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini akan menyentuh merit rayuan perayu sebagaimana yang diperincikan dalam petisyen rayuan (difailkan secara berasingan dan tidak dimasukkan dalam RR dan penghujahan bertulis oleh peguam perayu yang terpelajar. Mahkamah ini telah menghalusi secara terperinci dan berpendapat peguam perayu yang terpelajar telah membangkitkan beberapa isu bagi mengakaskan sabitan yang dibuat oleh Tuan HMS itu seperti berikut:

(a) pendakwaan gagal membuktikan elemen-elemen kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan (Kanun itu);

(b) Tuan HMS itu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengambil kira keterangan saksi pendakwaan hanyalah dengar cakap (hearsay);

A (c) Tuan HMS itu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menimbangkan wujudnya percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan;

(d) kredibiliti saksi-saksi pendakwaan; dan

B (e) hukuman yang melampau.

Bagi Isu (a)

[9] Mahkamah ini bersetuju dengan Tuan HMS itu dalam penghakimannya di ms. 7 telah menyentuh intipati-intipati kesalahan di bawah s. 409 Kanun yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan ialah:

C

(i) perayu seorang penjawat awam;

(ii) perayu dalam kapasiti penjawat awam telah diamanahkan ke atas wang KWAPM sebanyak RM5,400; dan

D (iii) perayu telah melakukan pecah amanah terhadap wang KWAPM tersebut.

[10] Mahkamah ini telah meneliti hujahan peguam perayu yang terpelajar yang menegaskan pendakwaan hanya mampu membuktikan intipati (i) iaitu perayu seorang penjawat awam dan gagal membuktikan intipati (ii) dan (iii).

E **[11]** Sebaliknya TPR yang terpelajar telah menghujahkan kesemua intipati-intipati (i), (ii) dan (iii) berjaya dibuktikan oleh pendakwaan. TPR yang terpelajar telah menyokong penghakiman Tuan HMS itu apabila memutuskan pendakwaan membuktikan kes *prima facie* dan perayu dipanggil untuk membela dirinya.

F

Intipati (i)

[12] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu di mana beliau berpendapat pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu seorang penjawat awam bagi membolehkan peruntukan s. 409 Kanun itu terpakai G terhadap perayu. Pembelaan secara betulnya dan jujur mengakui intipati (i) ini telah dibuktikan oleh pendakwaan.

[13] Mahkamah ini bersetuju dengan Tuan HMS itu iaitu perayu telah dibuktikan sebagai penjawat awam melalui keterangan SP1 (Mohd Zawawi bin Zakaria) merupakan Ketua Sektor Pengurusan dan Pembangunan, H Jabatan Pelajaran Perlis yang mengesahkan perayu seorang penjawat awam sebagaimana "perakuan tentang kedudukan atau jawatan yang dipegang selaras keperluan s. 55(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (P1) (ms. (151) - (152) RR jilid 1) dan "kenyataan perkhidmatan" (P2) (ms. (164) - (186) RR jilid 1).

I **[14]** Mahkamah ini juga bersetuju keterangan SP7 (Noriyah bte Abd Rahman) iaitu Guru Besar SK Behor Empiang, SP4 (Annuar bin Abdullah) bekas Guru Besar, SP5 (Rosniah binti Othman) Pembantu Tadbir SK Behor

Empiang dan SP6 (Ajis Bin Mat) Pembantu Am Rendah, SK Behor Empiang juga membantu pendakwaan untuk membuktikan perayu seorang penjawat awam. Mahkamah ini berpendapat pendakwaan berjaya membuktikan perayu ialah penjawat awam dalam konteks takrifan s. 21 Kanun itu.

Intipati (ii) Dan (iii)

[15] Mahkamah ini akan menyentuh intipati (ii) dan (iii) bersekali kerana ianya saling bergantung antara satu dengan yang lainnya. Mahkamah ini berpendapat sebelum menyentuh intipati (ii) ini, eloklah dijenguk kembali penghakiman dalam kes *Sathiadas v. PP* [1970] 1 LNS 142; [1970] 2 MLJ 241, Raja Azlan Shah J (beliau pada masa itu), menyatakan bahawa:

> The gist of the offence of criminal breach of trusts is entrustment and dishonest misappropriation or conversion to own use. Once the prosecutions have succeeded in proving the receipt of the money for a particular purpose the case of entrustment is made out. Dishonest misappropriation or conversion to own use involves wrongful gain to the appellant or wrongful loss to his employers for the period of the retention of the money. That must depend on the facts and circumstances of each case.

[16] Mahkamah ini juga mendapat suluhan cahaya yang terang dalam menggarap isu ini sebagaimana yang diputuskan dalam kes *PP v. Lawrance Tan Hui Seng* [1993] 4 CLJ 221, YA Edgar Joseph Jr HMA menyatakan:

> **Clearly, under s. 405, the very first ingredient which the prosecution must prove is that the Accused was either entrusted with the property the subject of the charge or was entrusted with dominion over that property.** In the case of entrustment of dominion over that property, the mere existence of that person's dominion over property is not enough. The prosecution must go further and show beyond reasonable doubt that his dominion was the result of entrustment or, in other words, that the term "entrustment" in s. 405 governs not only the words "with the property" immediately following it but also the words "or with any dominion over the property" occurring thereafter. [See *Velji Raghavji Patel v. State of Maharashtra AIR* [1965] SC 1433].
>
> (penekanan ditambah)

[17] Peguam perayu yang terpelajar telah menghujahkan pendakwaan gagal membuktikan intipati (ii) dan (iii) ini dan sekaligus Tuan HMS itu khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila dalam penghakimannya memutuskan kes *prima facie* dibuktikan terhadap perayu.

[18] Bagi intipati (ii), pendakwaan perlu membuktikan perayu sebagai penjawat awam telah diamanahkan wang KWAPM sebanyak RM5,400 pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan. Peguam perayu yang terpelajar dalam hujahannya menegaskan pendakwaan gagal membuktikan hanya perayu seorang yang mempunyai kawalan dan kapasiti ke atas wang KWAPM berjumlah RM5,400 atas alasan perayu merupakan

A salah seorang daripada lima orang penandatangan cek, bukannya perayu seorang yang menandatangani cek pengeluaran dan baucer, wang tunai RM5,400 dikeluarkan oleh SP6 bukannya perayu, SP4 tidak dapat mengesahkan wang RM5,400 diserahkan oleh SP6 kepada perayu, tiada bukti penerimaan wang tersebut oleh perayu dan bukti terimaan hanya
B disediakan atas arahan SP7 selepas kes ini dilaporkan kepada SPRM bagi mematuhi prosedur semata-mata.

[19] Sebaliknya TPR yang terpelajar telah menghujahkan intipati (ii) iaitu penyerahan wang RM5,400 telah pun disahkan oleh SP4 di mana SP6 telah menyerahkan wang itu kepada perayu.

C

[20] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu secara panjang lebar telah menyentuh intipati (ii) ini. Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan SP4 iaitu guru besar semasa penyerahan wang RM5,400 kepada perayu telah diterima oleh Tuan HMS itu. SP4 telah mengarahkan SP6 untuk menyerahkan cek yang tidak berpalang untuk
D ditunaikan di bank. SP6 dalam keterangannya telah mengakui menerima wang tunai sebanyak RM5,400 dan menyerahkan kepada perayu walaupun ketika itu tiada akuan terima daripada perayu dibuat.

[21] Mahkamah ini berpendapat SP5 (Rosniah binti Othman @ Abd
E Rahman) merupakan Pembantu Tadbir SK Behor Empiang telah mengesahkan menerima wang bantuan KWAPM berjumlah RM5,400 sebagaimana yang dicatatkan dalam Buku Tunai Wang Kerajaan Tahun 2008 (P20). SP5 menjelaskan wang itu diterima daripada Jabatan Pelajaran Kangar dan dicatatkan dalam P20 sebagaimana catatan di P20A dan P20B. SP5 juga telah mengesahkan ada menyediakan cek Bank Mumalat berjumlah RM5,400
F (P5) (ms. 189 RR) yang kemudiannya telah ditunaikan oleh SP6 atas arahan SP4. Wang inilah yang kemudiannya telah diserahkan kepada perayu sebagai guru yang akan menguruskan pembayaran kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan bantuan KWAPM.

G **[22]** Mahkamah ini juga berpendapat pendakwaan melalui keterangan SP7 (Noriyah bte Abd Rahman) guru besar yang menggantikan SP4, telah bertanyakan kepada perayu berkaitan pembayaran wang KWAPM melibatkan RM5,400 dan perayu telah memberikan alasan-alasan yang berubah iaitu:

H (i) semasa mesyuarat perayu selaku PK HEM yang menguruskan wang KWAPM telah memaklumkan semuanya sudah beres diberikan kepada pelajar Tahun 1;

(ii) SP4 telah didatangi ibu bapa pelajar yang mendakwa tidak menerima wang bantuan KWAPM berjumlah RM450 seorang. SP4 telah meminta
I perayu menunjukkan surat yang mengesahkan pembayaran telah diterima oleh ibu bapa pelajar;

(iii) SP4 telah menyemak bantuan wang KWAPM yang kedua telah pun dibayar namun ianya tidak berlaku bagi bantuan yang pertama. SP4 bertanyakan kepada perayu dan perayu memaklumkan wang bantuan telah diserahkan secara tunai melalui ibu bapa atau waris pelajar; dan

(iv) SP4 bertanyakan kepada perayu berkaitan bantuan wang RM5,400 dan beliau menyatakan telah memasukkan wang dalam envelope dan menyerahkan kepada pelajar-pelajar.

[23] Mahkamah ini berpendapat keterangan ini menunjukkan perayu ada menerima wang RM5,400 yang diserahkan oleh SP6 iaitu pendakwaan membuktikan perayu telah pun diamanahkan bagi maksud s. 405 Kanun itu.

[24] Mahkamah ini juga menimbangkan keterangan SP2 (Saberi bin Abd Rahim) Pengurus Cawangan Bank Muamalat, Kangar yang mengesahkan cek P5 bertarikh 4 November 2008 berjumlah RM5,400. SP2 mengesahkan ianya pengeluaran wang tunai dalam bentuk RM100 setiap keping sebanyak 54 keping dan ianya berjumlah RM5,400. SP6 telah mengesahkan menerima wang tunai ini dan diserahkan kepada perayu pada tarikh yang sama.

[25] Mahkamah ini sependapat dengan Tuan HMS itu yang memutuskan pendakwaan telah membuktikan intipati (ii) ini. Sebagai perbandingan dirujuk kes *Cheryl Wendy Omar v. PP* [1994] 3 CLJ 425 di mana pendakwaan gagal membuktikan tertuduh diamanahkan wang berjumlah RM156,663.90 wang kutipan bayaran air di Majlis Perbandaran Tawau. YA Tuan Ian HC Chin H telah memutuskan:

> [2] The mere production of copies of receipts signed by the accused is not proof that the accused had been paid the sums and by the persons named therein. The payers themselves or someone who had seen the payment must be called to give evidence. This the prosecution failed to do. The requisite ingredient of entrustment implicit in the charge, hence, has not been proved.

[26] Mahkamah ini selanjutnya akan menyentuh isu (iii) iaitu sama ada perayu telah melakukan pecah amanah jenayah atas wang RM5,400 yang telah diamanahkan kepadanya selaku PK HEM bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran wang bantuan KWAPM mengikut Pekeliling Biasiswa Bil 1 Tahun 2006-Pemberian Bantuan Murid/Pelajar Di Bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) (P18) (ms. 209 RR jilid 2).

[27] Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip yang diputuskan dalam kes *Gan Kim Hua v. PP* [1983] 1 CLJ 199; [1983] CLJ (Rep) 552 di mana YA Wan Yahya H ada menyatakan:

> [1] Mere retention is not an offence but when retention is coupled with an element of dishonesty, then a criminal misappropriation can be correctly inferred from such retention. It appears from the records that the act by the appellant, which could constitute misappropriation in the

A present case, is the appellant's retention of the money, viewed perspectively with her conduct and the circumstances surrounding such retention. Mere retention is not an offence but when retention is coupled with an element of dishonesty, then a criminal misappropriation can be correctly inferred from such retention.

B **[28]** Mahkamah ini berpendapat bagi membuktikan intipati (iii), Tuan HMS itu nampaknya telah menimbangkan keterangan SP4, SP5 dan juga keterangan ibu bapa/penjaga (SP8 hingga SP19) dan juga pegawai Bank Agro (SP3).

[29] Peguam perayu yang terpelajar telah menghujahkan pendakwaan gagal C membuktikan intipati (iii) ini. Pendakwaan dikatakan gagal membuktikan wang RM5,400 telah digunakan secara curang oleh perayu untuk kegunaan dirinya. Pendakwaan sekadar membuktikan wang "lesap dan hilang" dan gagal membuktikan perayu dengan niat curang telah melupuskan wang tersebut. Peguam perayu yang terpelajar telah melontarkan persoalan-D persoalan di perenggan 34 hujahan bertulisnya berkisar kepada tiada keterangan wang dimasukkan ke dalam akaun perayu, bayaran peribadi perayu, dan sama ada perayu membayar kepada pihak lain.

[30] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Yahya bin Pawan Teh H dalam kes *PP v. Hussin Mohd Rejab* [1994] 3 CLJ 93 yang menyentuh niat E curang bagi maksud peruntukan s. 409 Kanun itu. Beliau dalam penghakimannya menukilkan seperti berikut:

I now turn to the next issue on dishonest intention. To prove s. 409, the prosecution must not only prove entrustment but it must also show that the respondent had committed breach of trust in respect of the property F so entrusted. Criminal Breach of Trust as defined under s. 405 requires the prosecution to prove dishonest misappropriation, conversion or disposal of property.

[31] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu secara betulnya dalam penghakiman apabila memutuskan pendakwaan membuktikan intipati (iii). G Mahkamah bersetuju bagi intipati (iii) perlu diteliti tindak tanduk perayu dan keterangan sekeliling yang menjurus kepada secara curang melakukan pecah amanah jenayah atas wang RM5,400 atas fakta-fakta berikut:

(i) mahkamah ini telah menimbangkan keterangan SP4 selaku Guru Besar SK Behor Empiang pada tarikh kejadian telah mengesahkan perayu H dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembayaran wang KWAPM sebanyak RM5,400 kepada 12 orang pelajar;

(ii) SP4 juga telah menyatakan cara pembayaran telah pun ditetapkan dalam pekeliling (P18). SP4 dalam keterangannya menyatakan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan cara bayaran wang I KWAPM secara bayaran ke dalam akaun bank pelajar atau diberikan secara tunai. SP5 juga menyatakan perayu tidak memberikan arahan untuk memanggil ibu bapa yang terlibat untuk menerima wang tunai ataupun dimasukkan terus ke akaun Bank Agro;

(iii) perayu telah diserahkan wang RM5,400 pada 4 November 2008 dan SP4 tidak bertanyakan pembayaran wang ini kerana SP4 bercuti panjang dan mengandaikan wang ini telah pun disalurkan kepada pelajar yang berhak menerimanya;

(iv) mahkamah ini juga telah menimbangkan perkara ini akhirnya ditimbulkan oleh SP7 selaku guru besar baru yang menggantikan SP4. Ketika inilah SP7 menyedari wang RM5,400 tidak diserahkan kepada pelajar apabila terdapat ibu bapa/penjaga yang bertanyakan bantuan KWAPM ini berjumlah RM5,400. SP7 telah bertanyakan kepada perayu berkaitan status pembayaran wang RM5,400 namun mendapat pelbagai jawapan yang diberikan oleh perayu;

(v) mahkamah ini juga telah menimbangkan bagi bantuan kedua yang melibatkan wang KWAPM berjumlah RM3,000 ianya telah dibayar dan dimasukkan ke dalam akaun pelajar yang terlibat. SP7 dalam keterangannya mengesahkan perkara ini sebagaimana berikut:

> Setelah selesai pembayaran duit KWAPM kali kedua, saya lihat dalam buku akaun murid-murid dan dapati duit KWAPM untuk **pembayaran pertama tidak dimasukkan.**
>
> (penekanan ditambah)

(vi) mahkamah ini juga bersetuju dengan Tuan HMS itu yang telah menimbangkan keterangan ibu bapa/penjaga pelajar iaitu SP8 hingga SP19 yang telah mengesahkan anaknya hanya menerima bantuan wang yang kedua iaitu RM250 seorang dan tidak menerima bantuan pertama iaitu RM450 seorang;

(vii) mahkamah ini juga telah menimbangkan salinan penyata akaun pelajar (P6 hingga P16) yang menunjukkan kemasukan wang RM250 iaitu melibatkan bantuan yang kedua dan bukannya wang RM450 untuk bantuan pertama yang menjadi asas perkara pertuduhan. Mahkamah ini juga meneliti salinan buku Agro Bank (P27, P29, P31, P34, P36, P40 dan P45) yang menunjukkan kemasukan wang RM250 dan tiada kemasukan wang RM450 yang melibatkan bantuan pertama wang KWAPM berjumlah RM5,400 yang diamanahkan kepada perayu;

(viii) SP20 (Ahmad Zainol bin Darani) (Penguasa SPRM) telah mengesahkan ada menyiasat laporan SPRM Perlis No:08/2010 yang melibatkan perayu dengan kesalahan pecah amanah jenayah melibatkan wang RM5,400. Perayu akhirnya ditangkap oleh pihak SPRM pada 9 Ogos 2011 dan perayu dituduh atas kesalahan di bawah s. 409 Kanun itu; dan

(ix) mahkamah ini berpendapat pendakwaan berjaya membuktikan intipati (iii) dan mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang terpelajar yang menghujahkan pendakwaan sekadar membuktikan wang RM5,400 "lesap dan hilang". Mahkamah ini juga berpendapat

tiada keperluan bagi pendakwaan membuktikan wang RM5,400 dimasukkan ke dalam akaun perayu terlebih dahulu atau wang itu digunakan untuk keperluan peribadi perayu. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang terpelajar iaitu pendakwaan perlu membuktikan perayu telah menggunakan wang RM5,400 terlebih dahulu. Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Ismail Khan H dalam kes *Mohamed Adil v. PP* [1966] 1 LNS 102; [1967] 1 MLJ 151 yang memetik penghakiman Mahkamah India dalam kes *Harakrishna Mahatab v. Emperor* [1930] AIR Patna 209 yang menyatakan:

> It is not necessary or possible in every case of criminal breach of trust to prove in what precise manner the money was spent or appropriated by the accused, because under the law even temporary retention is an offence provided that it is dishonest; but the essential thing to be proved in case of criminal breach of trust is whether the accused was actuated by dishonest intentions or not. As the question of intention is not a matter of direct proof, the courts have from time to time laid down certain broad tests which would generally afford useful guidance in deciding whether in a particular case the accused had *mens rea* for the crime. So in cases of criminal breach of trust the failure to account for the money proved to have been received by the accused or giving a false account as to its use is generally considered to be a strong circumstance against the accused. We should however not lose sight of the principle and make a universal formula of what is after all only an indication of or a piece of evidence pointing to dishonest intention.

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan penemuan fakta oleh Tuan HMS itu iaitu wang tunai RM5,400 telah diamanahkan kepada perayu bagi tujuan yang khas iaitu wang bantuan KWAPM dan perayu tidak menjalankan amanahnya apabila tidak membayar wang itu kepada pelajar yang berhak menerimanya. Mahkamah ini bersetuju dengan Tuan HMS itu apabila memutuskan pendakwaan membuktikan kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan.

Bagi Isu (b)

[33] Peguam perayu yang terpelajar telah menghujahkan Tuan HMS itu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengambil kira keterangan saksi pendakwaan hanyalah dengar cakap (hearsay).

[34] Peguam perayu yang terpelajar telah merujuk keterangan SP4 (guru besar) yang menyatakan beliau mengetahui wang tunai RM5,400 diserahkan kepada perayu melalui SP6. Bagi kemudahan rujukan dipetik keterangan SP4 sebagaimana berikut:

Examination in Chief

Saya ada pengetahuan bahawa En. Aziz telah tunaikan cek ini. Saya tahu sebab En. Aziz telah serahkan wang tersebut kepada Puan Farida Ariani. En. Aziz sendiri yang telah memberitahu saya dia serahkan wang itu kepada Puan Farida Ariani. Saya diberitahu di Pejabat Guru Besar oleh En. Aziz pada 4/11/2008.

[35] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan penghujahan peguam perayu yang terpelajar dalam isu ini. Pendakwaan telah pun memanggil En Aziz (SP6) untuk memberi keterangan di mahkamah dan SP6 menyatakan telah diarahkan oleh SP4 untuk menunaikan cek (P5) bernilai RM5,400 dan menyerahkan wang itu kepada perayu. Mahkamah ini berpendapat keterangan SP4 ianya dengar cakap (hearsay) sekiranya pendakwaan tidak memanggil En Aziz (SP6) memberi keterangan dalam perbicaraan.

Bagi Isu (c) Dan (d)

[36] Mahkamah ini akan menyentuh isu (c) dan (d) bersekali kerana ianya saling kait mengait antara satu sama lainnya. Peguam perayu yang terpelajar telah menghujahkan Tuan HMS itu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menimbangkan wujudnya percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan. Peguam perayu yang terpelajar dalam hujahannya cuba menonjolkan keterangan SP4, SP5, SP6 dan SP7 yang dikatakan terdapat percanggahan dalam keterangannya berkaitan isu penyerahan wang RM5,400 kepada perayu. Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu yang telah pun menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan berkenaan berkaitan penyerahan wang RM5,400 yang menjadi intipati (ii) bagi kesalahan di bawah s. 409 Kanun itu.

[37] Mahkamah ini berpendapat percanggahan keterangan sekiranya ada sekadar melibatkan perkara yang kecil iaitu berkaitan di mana wang tunai RM5,400 itu diserahkan kepada perayu. Penghujahan peguam perayu yang terpelajar menjurus kepada pendirian perayu tidak menerima wang RM5,400 yang menjadi hal perkara pertuduhan. Mahkamah ini telah pun menyentuh secara panjang lebar semasa menyentuh intipati (ii) iaitu perayu diamanahkan dengan wang KWAPM berjumlah RM5,400.

[38] Peguam perayu yang terpelajar juga mempertikaikan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan di mana menurut kaca mata pembelaan, saksi-saksi pendakwaan khasnya SP4, SP5, SP6 dan SP7 keterangannya seharusnya tidak diterima.

[39] Mahkamah ini merujuk kes *Syed Abu Bakar Ahmad v. PP* [1984] 1 CLJ 80; [1984] 1 CLJ (Rep) 368 di mana YA Abdul Hamid Omar HMP ada menyatakan:

The questions that arise for us to consider are; first, did the learned Judge give adequate consideration to the evidence before him?; second, was the assessment of Poh's credibility arrived at in a manner this Court ought

A now to regard itself as precluded from considering it?; third, was there microscopic scrutiny and critical appreciation of the totality of Poh's evidence?; fourth, if there was, the fourth question is that though the learned Judge had the advantage of his having seen and heard the witness, whether his approach to the issue of credibility was so gravely erroneous as to constitute a serious misdirection and make the judgment
B wholly unsatisfactory (see *Tengku Mahmood v. PP* [1974] 1 LNS 176 per Azlan Shah CJ (as he then was)).

[40] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu dan keterangan saksi pendakwaan ini telah pun diterima dan ianya menyokong kes pendakwaan. Mahkamah ini tidak bercadang untuk mengganggu
C penemuan fakta oleh Tuan HMS itu berkaitan isu (c) dan (d) ini. Mahkamah ini tidak sependapat dengan pendirian pembelaan dalam isu ini.

Pembelaan Perayu

[41] Peguam perayu yang terpelajar dalam petisyen rayuan nampaknya
D tidak menyentuh kes pembelaan dan lebih menumpukan serangannya terhadap keputusan Tuan HMS itu di peringkat kes pendakwaan. Peguam perayu yang terpelajar dalam "hujahan lanjutan perayu" yang difailkan pada 10 September 2015 sekadar menyentuh pembelaan perayu iaitu perayu tidak mengetahui kemasukan bantuan KWAPM kerana penyata akaun dan urusan
E dikendalikan oleh SP5. Perayu sekadar menandatangani baucer dan cek (P5) atas nama guru besar (SP4) dan bukannya perayu. Pegawai bank dalam keterangannya tidak menyatakan perayu yang telah datang ke bank untuk mengambil wang RM5,400.

[42] Mahkamah ini berpendapat pembelaan mempunyai tanggungjawab
F untuk mematahkan anggapan yang diperuntukkan di bawah s. 409 Kanun itu apabila pendakwaan telah membuktikan perayu telah diamanahkan dengan wang RM5,400 dan telah dengan curang melakukan pecah amanah jenayah.

[43] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 409B Kanun itu yang berbunyi seperti berikut:

G

(1) Where in any proceeding it is proved-

(a) for any offence prescribed in sections 403 and 404, that any person had misappropriated any property; or

(b) for any offence prescribed in sections 405, 406, 407, 408 and 409,
H that any person entrusted with property or with dominion over property had-

(i) misappropriated that property;

(ii) used or disposed of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be
I discharged or of any legal contract, express or implied which he had made touching the discharge of such trust; or

(iii) suffered any person to do any of the acts described in subparagraph (i) or (ii) above,

it shall be presumed that he had acted dishonestly until the contrary is proved.

(penekanan ditambah)

[44] Mahkamah ini berkongsi pendangan dengan YA Ahmad Nasfy Yasin PK (pada ketika itu) dalam kes *Lee Yoke Yam lwn. PP* [2012] 8 CLJ 334 yang menyatakan:

(5) Seksyen 409B Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa apabila dibuktikan bahawa seseorang itu telah menyalahgunakan harta, maka hendaklah dianggap bahawa ia telah bertindak dengan curang sehingga sebaliknya dibuktikan.

[45] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu berkaitan pembelaan perayu di perenggan 9 dan 10 penghakimannya. Beliau telah memutuskan pembelaan perayu sebagai penafian semata-mata dan perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu secara betulnya apabila menimbangkan pembelaan perayu yang sekadar menafikan ada menerima wang RM5,400. Perayu gagal mengemukakan keterangan yang boleh mengakaskan anggapan di bawah s. 409B Kanun itu iaitu wang RM5,400 tidak diterima dengan curang. Mahkamah ini mengambil kira masa kejadian iaitu 4 November 2008 sehinggalah perayu ditangkap oleh SPRM pada tahun 2011, perayu tidak memberikan penjelasan berkaitan wang yang diamanahkan tersebut sama ada telah diberikan kepada pelajar-pelajar.

[46] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu secara betulnya memutuskan perayu bersalah dan disabitkan atas pertuduhan di bawah s. 409 Kanun itu.

Hukuman

[47] Peguam perayu yang terpelajar dalam petisyen rayuannya ada menyentuh isu hukuman sebagaimana berikut:

a. Tuan Hakim telah terkhilaf dari sudut undang-undang dan fakta apabila memutuskan hukuman yang melampau kepada Perayu.

[48] Mahkamah ini telah meneliti hujahan bertulis peguam perayu yang terpelajar dan juga hujahan lanjutannya, tiada secebis perkataan pun diungkapkan berkaitan isu hukuman. Walaupun begitu, mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu berkaitan hukuman yang dijatuhkan atas perayu.

[49] Tuan HMS itu telah menimbangkan fakta perayu seorang penjawat awam yang telah pun diamanahkan untuk menguruskan bantuan kewangan KWAPM bagi pelajar-pelajar miskin. Perayu telah pun melakukan pecah

amanah jenayah dan untuk kepentingan awam hukuman dijatuhkan untuk pengajaran kepada perayu dan isyarat kepada masyarakat berkaitan kesalahan jenayah pecah amanah.

[50] Mahkamah ini merujuk peruntukan s. 409 Kanun itu yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan maksima 20 tahun dan rotan, dan boleh dikenakan denda.

[51] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu telah menimbangkan prinsip penghukuman yang betul apabila menjatuhkan hukuman kepada tertuduh yang bersalah dan disabitkan dengan kesalahan jenayah pecah amanah.

[52] Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Mohd Abdullah Ang Swee Kang* [1987] 1 CLJ 292; [1987] CLJ (Rep) 918 di mana YA N H Chan H dalam nada tegasnya menyatakan:

> Persons in positions of trust who are thinking of abusing that trust by making away with other people's money may very well be put off by deterrent sentences.

[53] Mahkamah ini berpendapat eloklah diselami kata-kata keramat YA Azmi H dalam kes *PP v. Khairuddin Hj Musa* [1981] CLJ 86A; [1981] CLJ (Rep) 234 di ms. 332 dalam menggarap hukuman bagi kesalahan jenayah pecah amanah walaupun ianya tidak melibatkan penjawat awam:

> Public interest demands, that cases of this nature involving persons in positions of trust, particularly in financial institutions, must be dealt with severely, in the hope that would-be offenders would be deterred. Until it is understood by such people that the normal punishment for helping themselves to their employers' money is to be sent to prison, there will continue to be officials in commercial and cooperative banks and similar institutions, prepared to pilfer the till.

[54] Mahkamah ini berpendapat Parlimen telah pun menetapkan hukuman minima penjara dua tahun bagi kesalahan s. 409 Kanun itu. Tuan HMS itu telah menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan dan denda RM3,000 jika ingkar tiga bulan penjara ianya memadai dan tidak berlebihan.

Kesimpulan

[55] Berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas, mahkamah ini menolak rayuan perayu atas sabitan dan hukuman. Mahkamah ini mengesahkan hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan HMS itu.